

BAB IV

LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISIS DATA

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji membentangkan dapatan kajian. Perkara-perkara yang terkandung di dalam bab ini ialah subjek dan tempat kajian, instrumen kajian, cara menganalisis data dan analisis dapatan kajian. Bab ini akan menghuraikan dapatan-dapatan kajian hasil pengumpulan data primer terhadap sampel responden yang mengikuti kelas pengajian al-Qur'an dari beberapa kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang.

4.2 METODOLOGI PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA

Data-data primer dikumpulkan dengan kaedah kaji selidik. *Instrumen* yang digunakan adalah borang soal selidik yang diedarkan kepada para penuntut beberapa kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh. Soal selidik mengandungi dua fungsi utama iaitu pertama, untuk mengumpul maklumat-maklumat demografi responden seperti jantina, umur, status perkahwinan, pendapatan dan sebagainya dan kedua, untuk mendapatkan maklumat dalam bentuk pengukuran pembolehubah sama ada individu atau kumpulan.¹³⁵

¹³⁵ Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 56.

Dalam konteks kajian ini, soalan-soalan bagi borang soal selidik dibina bagi mengukur tahap penerimaan masyarakat FELDA terhadap kelas-kelas pengajian al-Qur'an seperti tahap pendengaran, tahap pemahaman, tahap pengingatan dan tahap pengamalan ilmu al-Qur'an. Soalan-soalan juga dibina untuk melihat persepsi dan penilaian para penuntut kelas pengajian al-Qur'an terhadap kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dan kesesuaian tempat pembelajaran.

Bagi memudahkan pengukuran dibuat, *Skala Likert* digunakan bagi melihat kecenderungan sikap, persepsi dan penilaian responden terhadap sesuatu pernyataan. Responden ditanya sama ada ia sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju atau sangat setuju dengan sesuatu pernyataan yang diberikan. Untuk melihat penilaian responden terhadap sesuatu perkara, skala seperti sangat lemah, lemah, sederhana, baik dan sangat baik digunakan.

4.2.1 Objektif Soal Selidik

Instrumen soal selidik digunakan bagi mendapatkan data-data untuk menjawab objektif-objektif berikut:

- i. Untuk mengkaji dan menyelidiki kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar di kelas pengajian al-Qur'an.
- ii. Untuk mengkaji dan menyelidiki bentuk pelaksanaan kelas pengajian al-Qur'an yang dilalui oleh masyarakat FELDA.
- iii. Untuk mengenalpasti sejauh mana masyarakat FELDA menguasai al-Qur'an setelah mengikuti kelas al-Qur'an.

4.2.2 Struktur soal Selidik

Bagi kajian ini, soal selidik telah direkabentuk berpandukan objektif kajian serta menjawab persoalan-persoalan kajian. Set borang soal selidik telah dibahagikan kepada lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian A merupakan bahagian maklumat demografi responden yang mengandungi sembilan item sahaja iaitu kumpulan jantina, umur, status perkahwinan, pendidikan, kategori pekerjaan, pendapatan, peringkat awal membaca al-Qur'an, kekerapan membaca al-Qur'an dan membaca al-Qur'an berpandukan tafsir atau tidak.

Bahagian B mengandungi pernyataan-pernyataan berkenaan persepsi responden terhadap keupayaan diri menguasai al-Qur'an. Lima skala dengan skor satu hingga lima diberikan bermula sangat lemah, lemah, sederhana, baik dan sangat baik diberikan. Bahagian ini keseluruhannya mengandungi 12 item yang meliputi topik mengenal dan menyebut kalimah al-Qur'an, penguasaan dalam hukum tajwid serta membaca al-Qur'an berpandukan hukum tajwid yang betul.

Bahagian C adalah berkaitan dengan persepsi responden terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru. Ia mengandungi perkara-perkara yang perlu dinilai oleh responden terhadap guru melalui lima skala yang diberikan iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Bahagian ini keseluruhannya mengandungi 17 item.

Bahagian D adalah berkaitan dengan persepsi responden terhadap pelaksanaan kelas pengajian al-Qur'an. Ia mengandungi perkara-perkara yang perlu dinilai oleh responden terhadap pelaksanaan, kesesuaian dan kesselesaian kelas melalui lima skala yang diberikan iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Bahagian ini keseluruhannya mengandungi 10 item.

Bahagian E adalah berkaitan ujian penilaian tahap keupayaan para pelajar kelas pengajian al-Qur'an. Satu set soalan ujian penilaian telah diberikan untuk dijawab oleh responden bagi menilai keberkesanan kelas pengajian al-Qur'an dari sudut pengajaran dan pembelajaran. Ia mengandungi empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A dan B merupakan ujian kefahaman al-Qur'an, manakala bahagian C dan D pula ujian kefahaman ilmu tajwid. Bahagian ini keseluruhannya mengandungi 32 soalan untuk dijawab.

4.2.3 Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan ke atas lima belas orang responden bagi menguji kesahan set soal selidik dan melihat kelemahan-kelemahan yang mungkin wujud. Menurut Ahmad Sanuwari¹³⁶, kajian rintis adalah kajian awalan yang dilakukan sebelum kajian sebenar. Menurut Chua¹³⁷, kajian rintis atau disebut sebagai ujian rintis perlu dijalankan sebelum instrumen digunakan. Langkah ini dapat memastikan kebolehpercayaan instrumen kajian. Kajian rintis dapat mengenal pasti masalah-masalah yang mungkin timbul serta aspek-aspek yang boleh ditambah baik untuk meningkatkan kualiti borang kaji selidik.

Hasil penambahbaikan yang dibuat, penulis mendapati amat sedikit sekali kesilapan yang dibuat oleh responden hingga mencacatkan borang soal selidik atau menyebabkan borang soal selidik terpaksa ditolak. Terdapat segelintir responden yang tidak menjawab beberapa soalan dan dibiarkan kosong. Namun jumlah mereka amat kecil. Semua 100 borang yang dikembalikan kepada penulis diterima untuk dianalisis.

¹³⁶ *Ibid.*, 24.

¹³⁷ Chua, Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1 & 2, Asas Statistik Penyelidikan* (Columbus: McGraw Hill Education, 2006), 112.

4.2.4 Lokasi Kajian

Lokasi kajian adalah di sekitar kelas pengajian al-Qur'an yang terdapat di FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang. Kelas-kelas pengajian al-Qur'an di sini merangkumi kelas pengajian di masjid, di surau dan juga di rumah. Semua kelas pengajian al-Qur'an ini mempunyai murid atau penuntut dari kalangan peneroka FELDA mahupun individu.

Kelas-kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh dipecahkan kepada lapan lokasi iaitu Masjid al-Taqwa, Surau Kawasan 1, Surau Lorong 9, Surau Lorong 10, Surau Lorong 12 dan Surau Peringkat 4, Rumah Lorong 9 dan Rumah kawasan 3 lorong kubur. Taburan lokasi kelas Pengajian al-Qur'an boleh dilihat seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.2.4.1 Taburan jumlah responden mengikut kategori dan lokasi

Kategori	Lokasi	Jumlah Responden
Masjid FELDA	Masjid Al-Taqwa, FELDA Bukit Goh	15
Surau	Surau Kawasan 1	15
Surau	Surau Lorong 9	13
Surau	Surau Lorong 10	10
Surau	Surau Kawasan 12	17
Surau	Surau Peringkat 4	12
Rumah	Lorong 9	8
Rumah	Kawasan 3, Lorong Kubur	10
Jumlah	8 Lokasi	100

4.2.5 Kaedah Persampelan

Bagi melaksanakan kajian ini, penulis menggunakan kaedah Persampelan Rawak atau juga dikenali sebagai Persampelan Mudah. Menurut Ahmad Sunawari¹³⁸, Teknik ini dilakukan dengan memilih sampel yang dapat dicapai dengan mudah seperti memberhentikan pelajar di kaki lima atau pusat membeli belah. Dalam kajian yang penulis jalankan ini, para responden adalah terdiri dari kalangan warga FELDA yang hadir ke kelas-kelas pengajian al-Qur'an sebagaimana yang disenaraikan di atas. Bagi memastikan sampel yang dipilih benar-benar mewakili populasi, para responden hendaklah murid atau penuntut tetap di kelas-kelas pengajian al-Qur'an berkenaan, bukannya responden yang sekali-sekala hadir ke kelas atau yang hanya singgah untuk mendengar. Jumlah responden dipilih telah ditunjukkan seperti jadual 4.2.4.1.

4.2.6 Analisis Data

Data-data primer yang dikumpul daripada kaji selidik akan dijumlahkan dan dianalisis dengan bantuan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) Versi 17.0. Data-data *kuantitatif* ini akan diteliti dan diperatuskan bagi mendapat gambaran menyeluruh berkenaan kecenderungan responden terhadap sesuatu item. Hasil kajian akan dibentangkan dalam bentuk jadual dan huraian. Jadual-jadual ini akan mengandungi item, skor, kekerapan, peratus dan min yang diperolehi hasil maklum balas responden.

Dapatan kajian akan dapat dilihat melalui kekerapan dan peratus responden memilih jawapan serta melalui min yang diperolehi. Dengan kebanyakan item soal selidik menggunakan Skala Likert, nilai skor yang diperolehi akan dijumlahkan,

¹³⁸ Ahmad Sunawari Long, *op.cit.*, 69.

dipuratakan seterusnya menghasilkan min dan dapat diinterpretasikan bagi menghasilkan dapatan kajian yang sah dan boleh dipercayai.

4.3 HASIL KAJIAN

Dalam Bab ini pengkaji memaparkan data-data daripada soal selidik terhadap responden yang dilakukan sepanjang kajian ini dijalankan. Soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan di awal kajian akan dijawab melalui analisis ini. Soalan-soalan kajian tersebut terbahagi kepada dua jenis iaitu:

1. Soalan soal selidik untuk responden
 - a. Maklumat diri responden
 - b. Persepsi responden terhadap keupayaan diri dalam menguasai al-Qur'an.
 - c. Keberkesanan pembelajaran al-Qur'an – Persepsi responden terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru.
 - d. Persepsi responden terhadap pelaksanaan kelas pengajian al-Qur'an.
2. Soalan bertulis untuk responden
 - a. Bahagian bacaan al-Qur'an.
 - b. Bahagian hafazan al-Qur'an.
 - c. Bahagian tajwid al-Qur'an:
 - i) Berpandukan ayat-ayat al-Qur'an terpilih.
 - ii) Berpandukan hukum-hukum tajwid

4.3.1 BAHAGIAN A: DEMOGRAFI RESPONDEN

a. Jantina

Jadual di bawah menunjukkan seramai 100 orang responden telah mengembalikan borang soal selidik yang diedarkan. Berdasarkan jadual 4.3.1.1, responden lelaki mencatatkan bilangan yang lebih ramai iaitu 57 orang atau 57.0%, manakala responden selebihnya adalah perempuan iaitu seramai 43 orang atau 43.0%. Ini menunjukkan bahawa responden lelaki lebih ramai berbanding responden lelaki.

Jadual 4.3.1.1 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan kumpulan jantina

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Lelaki	57	57.0	57.0	57.0
Perempuan	43	43.0	43.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

b. Umur

Jadual di bawah menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri dalam kalangan mereka yang berumur 41-59 tahun iaitu seramai 69 orang bersamaan 69.0%. Ini diikuti responden berusia 60 tahun ke atas seramai 20 orang bersamaan 20.0% dan kemudiannya responden dalam kumpulan umur 20-40 seramai 11 orang atau bersamaan 11.0%. Angka ini bukan sesuatu yang janggal memandangkan mereka dalam kumpulan umur 41-59 tahun merangkumi golongan peneroka dan peniaga merupakan majoriti yang hadir mengikuti kelas pengajian al-Qur'an.

Jadual 4.3.1.2 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan kumpulan umur

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 20 hingga 40	11	11.0	11.0	11.0
41 hingga 59	69	69.0	69.0	80.0
60 tahun ke atas	20	20.0	20.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

c. Status Perkahwinan

Jadual di bawah menunjukkan jumlah responden yang berkahwin mengatasi jumlah responden yang bujang mahupun duda/janda dengan seramai 95 orang bersamaan 95.0%. Ini diikuti responden berstatus duda atau janda seramai 4 orang atau 4.0% dan kemudiannya responden bujang yang mencatat angka terendah iaitu seorang bersamaan 1.0%. Perbezaan ketara ini berlaku kerana sebilangan besar penduduk FELDA di sini sudah berkahwin.

Jadual 4.3.1.3 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan status perkahwinan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Bujang	1	1.0	1.0	1.0
berkahwin	95	95.0	95.0	96.0
duda/janda	4	4.0	4.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

d. Taraf Pendidikan

Jadual di bawah menunjukkan pendidikan responden sebahagian besarnya di peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau Penilaian Menengah Rendah (PMR) iaitu seramai 45 orang bersamaan 45.0%. Kemudian diikuti responden yang berpendidikan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai 33 orang atau 33.0% disusuli yang mempunyai lain-lain kelulusan seramai 19 orang bersamaan 19.0%. Manakala responden yang berpendidikan taraf diploma pula seramai 3 orang atau bersamaan 3.0%.

Jadual 4.3.1.4 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan taraf pendidikan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Diploma	3	3.0	3.0	3.0
SPM	33	33.0	33.0	36.0
SRP/PMR	45	45.0	45.0	81.0
Lain-lain kelulusan	19	19.0	19.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

e. Pekerjaan

Penulis telah membahagikan kumpulan pekerjaan responden kepada empat kategori sahaja iaitu pengusaha ladang kelapa sawit, peniaga atau bekerja sendiri, kakitangan kerajaan dan swasta.

Jadual 4.3.1.5 di bawah memberi gambaran bahawa hampir separuh daripada responden terdiri daripada mereka yang mengusahakan ladang kelapa sawit atau digelar peneroka iaitu seramai 77 orang bersamaan 77.0%. Diikuti pula responden yang berniaga atau bekerja sendiri seramai 17 orang atau bersamaan 17.0%. Responden yang

bekerja di sektor swasta dan sektor kerajaan mencatatkan jumlah yang sama dengan masing-masing 3 orang atau 3.0% kakitangan swasta dan 3 orang bersamaan 3.0% kakitangan kerajaan. Angka ini bukan sesuatu yang janggal memandangkan peneroka merupakan majoriti yang menghuni FELDA atau juga dikenali sebagai Tanah Rancangan.

Jadual 4.3.1.5 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan pekerjaan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid kakitangan kerajaan	3	3.0	3.0	3.0
kakitangan swasta	3	3.0	3.0	6.0
berniaga/kerja sendiri	17	17.0	17.0	23.0
peneroka	77	77.0	77.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

f. Pendapatan

Jadual di bawah menunjukkan pendapatan responden yang tertinggi adalah pada kadar RM1001-RM2000 iaitu seramai 65 orang atau bersamaan 65.0% diikuti pula responden berpendapatan RM2001-RM3000 iaitu seramai 21 orang atau bersamaan 21.0%. Manakala yang berpendapatan RM1000 ke bawah merupakan responden yang paling kecil jumlahnya iaitu 14 orang atau bersamaan 14.0%.

Jadual 4.3.1.6 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan pendapatan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid RM 1000 ke bawah	14	14.0	14.0	14.0
RM 1001 hingga RM 2000	65	65.0	65.0	79.0
RM 2001 hingga RM 3000	21	21.0	21.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

g. Tahap Mula Membaca Al-Qur'an

Berdasarkan jadual di bawah didapati sebilangan besar responden mula membaca al-Qur'an pada umur 6-10 tahun iaitu seramai 71 orang atau bersamaan 71.0%. Kemudian diikuti pula responden yang mula membaca al-Qur'an pada umur 1-5 tahun iaitu seramai 20 orang atau bersamaan 20.0%. Manakala pada peringkat umur 11 tahun ke atas merupakan responden yang paling sedikit bilangannya iaitu hanya seramai 9 orang atau bersamaan 9.0%.

Jadual 4.3.1.7 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan tahap mula membaca al-Qur'an

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 1-5 tahun	20	20.0	20.0	20.0
6-10 tahun	71	71.0	71.0	91.0
11 tahun ke atas	9	9.0	9.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

h. Kekerapan Membaca Al-Qur'an

Jadual di bawah menunjukkan bahawa seramai 58 orang bersamaan 58.0% responden kerap kali membaca al-Qur'an dan ini merupakan yang jumlah yang terbanyak berbanding responden yang sekali-sekala membaca al-Qur'an iaitu seramai 32 orang bersamaan 32.0%. Diikuti pula responden yang jarang membaca al-Qur'an seramai 10 orang atau bersamaan 10.0%. Berdasarkan jadual ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa majoriti responden kerap kali membaca al-Qur'an sama ada di rumah mahupun di kelas-kelas pengajian al-Qur'an.

Jadual 4.3.1.8 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan kekerapan membaca al-Qur'an

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Kerap kali	58	58.0	58.0	90.0
sekali sekala	32	32.0	32.0	32.0
jarang	10	10.0	10.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

i. Membaca Al-Qur'an Berpandukan Terjemahan / Tafsir

Jadual di bawah menunjukkan bahawa majoriti responden membaca al-Qur'an tidak berpandukan terjemahan mahupun tafsir iaitu seramai 76 orang atau bersamaan 76.0%. Manakala selebihnya iaitu seramai 24 orang atau bersamaan 24.0% responden membaca al-Qur'an berpandukan terjemahan ataupun tafsir. Tujuan penulis memasukkan item ini ke dalam borang soal selidik kerana mahu melihat sejauh mana penghayatan melalui pembacaan al-Qur'an dilaksanakan oleh responden sama ada sekadar membaca sahaja atau turut disertakan dengan terjemahan mahupun tafsir.

Jadual 4.3.1.9 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan membaca al-Qur'an berpandukan terjemahan/tafsir

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid ya	24	24.0	24.0	24.0
tidak	76	76.0	76.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

4.3.2 BAHAGIAN B: PERSEPSI RESPONDEN TERHADAP KEUPAYAAN DIRI MENGUASAI AL-QUR'AN

Berdasarkan objektif kajian penulis yang kedua, maka di dalam bahagian ini penulis mengkaji dan menyelidiki tahap penguasaan al-Qur'an dalam kalangan pelajar kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh. Penulis menggunakan lima skala dengan skor satu hingga lima diberikan bermula sangat lemah, lemah, sederhana, baik dan sangat baik. Kajian ini terdiri daripada empat soalan kajian iaitu pertama: tahap keupayaan pelajar dalam mengenal huruf hijāiyah, membaca kalimah al-Qur'an, mengenal tanda-tanda di dalam al-Qur'an dan mengenal bahagian waqaf dalam al-Qur'an. Kedua: tahap keupayaan pelajar dalam pengetahuan ilmu tajwid, penguasaan dalam hukum Nūn Sukūn dan Tanwīn dan kelancaran membaca al-Qur'an. Ketiga: tahap keupayaan pelajar membaca al-Qur'an bertajwid, Keupayaan membaca surah al-Fātiḥah bertajwid, keupayaan membaca surah lāzim dari surah al-Ḍuḥā hingga al-Nās dan keupayaan membaca surah Yāsin bertajwid. Keempat: tahap keupayaan pelajar menghafaz surah-surah lāzim dari al- Ḍuḥā hingga al-Nās dan keupayaan pelajar memahami maksud kandungan ayat al-Qur'an yang dibaca.

Dalam kajian ini penulis menggunakan Statistik Deskriptif (Min dan Sisihan Piawai) di mana nilai skor yang diperolehi akan dijumlahkan, dipuratakan seterusnya menghasilkan min dan dapat diinterpretasikan bagi menghasilkan dapatan kajian yang

sah dan boleh dipercayai. Interpretasi data dibuat berdasarkan nilai min yang diperolehi sama ada rendah, sederhana dan tinggi sebagaimana yang dapat ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 4.3.2.1 Skor min dan interpretasi data

SKOR MIN	INTERPRETASI
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Soalan 1. Persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam mengenal huruf *hijāiyah*, membaca kalimah al-Qur'an, mengenal tanda-tanda dalam al-Qur'an dan mengenal bahagian *Waqf*

Jadual 4.3.2.2 Statistik deskriptif bagi sub-bahagian 'Mengetahui Huruf *Hijāiyah*, Membaca Kalimah Al-Qur'an', Mengetahui Tanda-Tanda Dalam Al-Qur'an dan 'Mengetahui Bahagian *Waqf*'

	Item	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	Sisihan Piawai
		%	%	%	%	%		
10	Keupayaan saya mengenal huruf <i>hijāiyah</i>	0 0.0%	4 4.0%	30 30.0%	31 31.0%	35 35.0%	4.14	0.99
11	Keupayaan saya menyebut kalimah al-Qur'an	0 0.0%	3 3.0%	27 27.0%	55 55.0%	15 15.0%	4.12	0.65
12	Keupayaan saya mengenal tanda-tanda di dalam al-Qur'an	0 0.0%	7 7.0%	37 37.0%	49 49.0%	7 7.0%	4.02	0.74
13	Keupayaan saya mengenal bahagian <i>Waqf</i> di	0 0.0%	15 15.0%	50 50.0%	30 30.0%	5 5.0%	3.48	0.53

	dalam al-Qur'an							
--	-----------------	--	--	--	--	--	--	--

$n = 100$

Jadual 4.3.2.2 di atas memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menguasai al-Qur'an melalui sub-topik, keupayaan mengenal huruf hijaiyah, keupayaan menyebut kalimah al-Qur'an, keupayaan mengenal tanda-tanda di dalam al-Qur'an dan keupayaan mengenal bahagian waqaf dalam al-Qur'an. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan yang paling tinggi ialah pada item 'Keupayaan Mengenal Huruf *Hijāiyah*' iaitu seramai 35 responden bersamaan 4.0% berada pada tahap sangat baik dan 4 responden bersamaan 4.0% pada tahap lemah telah menghasilkan min 4.14. Pada item 'Keupayaan Menyebut Kalimah Al-Qur'an' seramai 55 orang bersamaan 55.0% berada pada tahap baik manakala 3 orang responden pada tahap lemah telah mencatatkan min 4.12. Manakala item 'Keupayaan Mengenal Tanda-Tanda dalam Al-Qur'an' seramai 49 responden bersamaan 49.0% pada tahap baik manakala terdapat 7 orang responden berada pada tahap lemah dan mencatatkan min 4.02. Ketiga-tiga item diinterpretasikan sebagai tinggi. Item 'Keupayaan Mengenal Bahagian *Waqf* Dalam Al-Qur'an' mencatatkan min terendah iaitu 3.48 dan diinterpretasikan sebagai sederhana di mana terdapat seramai 50 responden bersamaan 50.0% berada pada tahap sederhana dan 15 bersamaan 15.0% responden pada tahap lemah.

Soalan 2. Persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dari sudut pengetahuan ilmu tajwid, penguasaan dalam hukum *Nūn Sakinah* dan *Tanwīn* dan kelancaran membaca al-Qur'an

Jadual 4.3.2.3 Statistik deskriptif bagi sub-bahagian 'Pengetahuan Ilmu Tajwid, Penguasaan Dalam Hukum *Nūn Sakinah* dan *Tanwīn* dan Kelancaran Membaca Al-Qur'an'.

	Item	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	Sisihan Piawai
		%	%	%	%	%		
14	Pengetahuan saya tentang ilmu tajwid	0 0.0%	6 6.0%	41 41.0%	51 51.0%	2 2.0%	3.78	0.91
15	Penguasaan saya dalam hukum <i>Nūn Sakinah</i> dan <i>Tanwīn</i>	0 0.0%	4 4.0%	38 38.0%	49 49.0%	9 9.0%	3.98	0.75
16	Kelancaran saya dalam membaca al-Qur'an	0 0.0%	5 5.0%	41 41.0%	46 46.0%	8 7.0%	3.71	0.68

$n = 100$

Jadual 4.3.2.3 di atas memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menguasai al-Qur'an melalui sub-topik seperti di atas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan yang paling tinggi ialah pada item 'Penguasaan saya dalam hukum *Nūn Sakinah* dan *Tanwīn*' di mana seramai 49 orang responden bersamaan 49.0% berada pada tahap baik manakala paling rendah ialah seramai 4 orang bersamaan 4.0 % berada pada tahap lemah dan item ini mencatatkan min 3.98. Sementara item 'Pengetahuan saya tentang Ilmu Tajwid' mencatatkan jumlah min kedua tertinggi iaitu 3.78 di mana seramai 51 orang bersamaan 51.0% berada pada tahap baik manakala seramai 6 responden berada pada tahap lemah. Manakala bagi item 'Kelancaran saya dalam membaca al-Qur'an' pula jumlah yang paling tinggi berada pada tahap baik iaitu seramai 46 responden bersamaan 46.0% dan seramai 5 responden bersamaan 5.0% berada pada tahap lemah. Item ini mencatatkan min terendah iaitu 3.71 namun, walau bagaimanapun ketiga-tiga item ini diinterpretasikan sebagai aras tinggi.

Soalan 3. Persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka membaca al-Qur'an bertajwid, keupayaan membaca surah *al-Fātiḥah* bertajwid, keupayaan membaca surah lazim dari surah *al-Duḥā* hingga *al-Nās* dan keupayaan membaca surah *Yāsin* bertajwid.

Jadual 4.3.2.4 Statistik deskriptif bagi sub-bahagian 'keupayaan membaca al-Qur'an bertajwid, Keupayaan membaca surah *al-Fātiḥah* bertajwid, keupayaan membaca surah lazim dari surah *al-Duḥā* hingga *al-Nās* dan keupayaan membaca surah *Yāsin* bertajwid'.

	Item	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	Sisihan Piawai
		%	%	%	%	%		
17	Keupayaan saya membaca al-Qur'an mengikut hukum tajwid yang betul	2 2.0%	18 18.0%	54 54.0%	24 24.0%	2 2.0%	3.28	0.70
18	Keupayaan saya membaca surah al- <i>Fātiḥah</i> dengan bertajwid	0 0.0%	4 4.0%	35 35.0%	44 44.0%	17 17.0%	4.12	0.65
19	Keupayaan saya membaca surah lāzim dari <i>al-Duḥā</i> hingga al- <i>Nās</i>	1 1.0%	4 4.0%	36 36.0%	50 50.0%	9 9.0%	3.30	0.72
20	Keupayaan saya membaca surah <i>Yāsin</i> dengan bertajwid	1 1.0%	5 5.0%	50 50.0%	37 37.0%	7 7.0%	3.15	0.73

$n = 100$

Jadual 4.3.2.4 di atas memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menguasai al-Qur'an melalui sub-topik seperti di atas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan pada item 'Keupayaan saya membaca al-Qur'an mengikut hukum tajwid yang betul' iaitu yang paling ramai pada tahap sederhana seramai 54 orang responden bersamaan 54.0%, manakala paling rendah ialah pada skala sangat lemah iaitu seramai 2 orang bersamaan 2.0 % dan item ini mencatatkan min 3.28. Sementara item 'Keupayaan saya membaca surah *al-Fātiḥah* dengan bertajwid' pula paling ramai responden berada pada skala baik di mana seramai 44 orang bersamaan 44.0%, manakala paling sedikit responden ialah skala lemah iaitu 4 orang bersamaan 4.0% dan item ini mencatatkan min 4.12 serta diinterpretasikan sebagai aras tinggi. Manakala item 'Keupayaan saya membaca surah lazim dari *al-Duḥā* hingga *al-Nās*' paling ramai responden berada pada skala baik iaitu seramai 50 orang bersamaan 50.0%, manakala paling sedikit responden ialah pada skala lemah iaitu 4 orang bersamaan 4.0% dan item ini mencatatkan min 3.30. Kemudian pada item 'Keupayaan saya membaca surah *Yāsin* dengan bertajwid', paling ramai responden berada pada skala sederhana iaitu seramai 50 orang bersamaan 50.0%, manakala paling sedikit responden ialah pada skala lemah iaitu 1 orang bersamaan 1.0% dan item ini mencatatkan min 3.15 serta diinterpretasikan sebagai aras sederhana.

Soalan 4. Persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka menghafaz surah-surah lazim dari *al-Duḥā* hingga *al-Nās* dan keupayaan pelajar memahami maksud kandungan ayat al-Qur'an yang dibaca.

Jadual 4.3.2.5 Statistik deskriptif bagi sub-bahagian sudut 'menghafaz surah-surah lazim dari *al-Duḥā* hingga *al-Nās* dan keupayaan pelajar memahami maksud kandungan ayat al-Qur'an yang dibaca'.

	Item	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	Sisihan Piawai
		%	%	%	%	%		
21	Keupayaan saya menghafaz surah lazim dari surah <i>al-Duḥā</i> hingga <i>al-Nās</i>	1 1.0%	6 6.0%	20 20.0%	63 63.0%	10 10.0%	3.68	0.75
22	Keupayaan saya memahami maksud kandungan ayat al-Qur'an yang dibaca	13 13.0%	44 44.0%	39 39.0%	4 4.0%	0 0.0%	2.62	0.96

$n = 100$

Jadual 4.3.2.5 di atas, memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menguasai al-Qur'an melalui sub-topik seperti di atas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan pada item 'Keupayaan saya menghafaz surah lazim dari surah *al-Duḥā* hingga *al-Nās*' paling ramai responden berada pada skala sederhana seramai 43 orang atau bersamaan 43.0%, manakala paling rendah ialah pada skala sangat lemah iaitu seramai 1 orang bersamaan 1.0 % dan item ini mencatatkan min 3.30. Kemudian item 'Keupayaan saya memahami maksud kandungan ayat al-Qur'an yang dibaca' paling ramai responden berada pada skala lemah iaitu seramai 44 orang bersamaan 44.0%, diikuti skala sangat lemah iaitu seramai 13 orang responden bersamaan 13.0%. Manakala paling sedikit responden ialah pada skala sangat baik iaitu 4 orang bersamaan 4.0% dan item ini mencatatkan min 2.62. Kedua-dua item ini diinterpretasikan sebagai aras sederhana. Dapatan kajian pada kedua-dua item ini menunjukkan bahawa kaedah pengajian al-Qur'an di dalam kelas lebih menekankan aspek tilawah berbanding hafazan dan kelemahan ketara di dalam memahami maksud kandungan al-Qur'an dapat dikaitkan berdasarkan jadual 4.10 di mana seramai 76

responden membaca al-Qur'an tidak berpandukan terjemahan/tafsir sedangkan hanya 24 responden membaca al-Qur'an dengan terjemahan/tafsir.

4.3.3 BAHAGIAN C: PERSEPSI RESPONDEN TERHADAP KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG DIGUNAKAN OLEH GURU

Berdasarkan objektif kajian penulis yang pertama, maka dalam bahagian ini penulis mengkaji dan menyelidiki kaedah pelaksanaan pengajian al-Qur'an di kalangan masyarakat FELDA. Penulis menggunakan lima skala dengan skor satu hingga lima diberikan bermula sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.


Jadual 4.3.3.1 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru menggunakan pendekatan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan mudah difahami

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak pasti	20	20.0	20.0	20.0
setuju	61	61.0	61.0	81.0
sangat setuju	19	19.0	19.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual di atas seramai 61 bersamaan 61.0% responden memberikan jawapan positif iaitu setuju dan seramai 20 bersamaan 20.0% responden memilih jawapan tidak pasti. Seramai 19 bersamaan 19.0% responden memberikan jawapan sangat setuju. Manakala tiada responden yang menanda pada skala sangat tidak setuju dan tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan lebih ramai responden memberikan jawapan positif berbanding negatif dan min yang diperolehi ialah 3.98 iaitu dalam lingkungan tinggi. Dapat disimpulkan bahawa pelajar berpuas hati dengan pendekatan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru yang dilihat menarik dan mudah difahami.

Jadual 4.3.3.2 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru membuat persediaan yang cukup

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak pasti	4	4.0	4.0	4.0
setuju	60	60.0	60.0	64.0
sangat setuju	36	36.0	36.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	




Jadual dan rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 60 bersamaan 60.0% responden memberikan jawapan positif iaitu setuju dan seramai 36 bersamaan 36.0% responden lagi memberikan jawapan sangat setuju. Ini bermaksud, kira-kira 96% responden ini berpuas hati dengan persediaan guru yang cukup sebelum dan semasa kelas berjalan. Seramai 4 bersamaan 4.0% responden lagi memberikan jawapan tidak pasti manakala tiada responden yang menanda pada jawapan sangat tidak setuju dan tidak setuju. Berdasarkan statistik ini, lebih ramai responden memberikan jawapan positif berbanding responden yang memberikan jawapan negatif. Min yang diperolehi adalah sebanyak 4.55 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Ertinya,

dengan persediaan guru yang cukup menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi menarik dan mudah difahami.

Jadual 4.3.3.3 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru memberi tumpuan penuh sepanjang pengajaran

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak setuju	1	1.0	1.0	1.0
	tidak pasti	5	5.0	5.0	6.0
	setuju	52	52.0	52.0	58.0
	sangat setuju	42	42.0	42.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Guru memberi tumpuan penuh sepanjang pengajaran



Berdasarkan jadual dan rajah di atas seramai 52 bersamaan 52.0% responden memberikan jawapan setuju dan seramai 42 bersamaan 42.0% responden memilih jawapan sangat setuju dan kedua-duanya merupakan jawapan positif yang berskala besar. Manakala hanya 5 bersamaan 5.0% responden memberikan jawapan tidak pasti dan hanya 1 bersamaan 1.0% responden sahaja yang menjawab tidak setuju serta tiada

responden yang menjawab sangat tidak setuju. Ini bermakna lebih ramai responden memberikan jawapan positif berbanding responden yang memberikan jawapan negatif. Min yang diperolehi adalah sebanyak 4.52 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.3.4 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru hanya memberi tumpuan kepada pelajar yang pandai

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	40	40.0	40.0	40.0
	tidak setuju	46	46.0	46.0	86.0
	tidak pasti	10	10.0	10.0	96.0
	setuju	2	2.0	2.0	98.0
	sangat setuju	2	2.0	2.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Jadual 4.19 di atas menunjukkan bahawa seramai 49 bersamaan 49.0% responden menjawab sangat tidak setuju dan seramai 46 bersamaan 46.0% responden menjawab tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan jawapan negatif berbanding responden yang memberikan jawapan positif iaitu di mana hanya 10 bersamaan 10.0% responden menjawab tidak pasti manakala 2 bersamaan 2.0% responden menjawab setuju seterusnya hanya 2 bersamaan 2.0% responden menjawab sangat setuju. Kesimpulannya, dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan, guru tidak hanya memberi tumpuan kepada pelajar pandai semata-mata tetapi ia bersifat menyeluruh dengan tumpuan merangkumi mereka yang lemah dan sederhana.

Jadual 4.3.3.5 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru hanya memberi latihan lisan kepada pelajar

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	10	10.0	10.0	10.0
tidak setuju	46	46.0	46.0	56.0
tidak pasti	20	20.0	20.0	76.0
Setuju	21	21.0	21.0	97.0
sangat setuju	3	3.0	3.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual di atas menunjukkan bahawa responden yang menjawab sangat tidak setuju pada item di atas iaitu seramai 10 orang bersamaan 10.0% diikuti pula yang menjawab tidak setuju iaitu seramai 46 orang bersamaan 46.0% dan statistik ini menunjukkan bahawa ia adalah jumlah tertinggi. Kemudian seramai 20 orang bersamaan 20.0% yang menjawab tidak pasti diikuti seramai 21 orang bersamaan 21.0% menjawab setuju manakala hanya 3 orang bersamaan 3.0% yang menjawab sangat setuju. Min yang diperolehi adalah sebanyak 4.42 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Ertinya, responden dilihat memberi fokus kepada borang soal selidik yang dijawab kerana tidak semua soalan-soalan yang perlu dijawab bersifat positif bahkan ada sebahagian soalan yang bersifat negatif dan responden perlu bijak menjawab pada skala yang betul dan tepat.

Jadual 4.3.3.6 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru banyak memberi latihan bertulis kepada pelajar

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	3	3.0	3.0	3.0
tidak setuju	12	12.0	12.0	15.0
tidak pasti	22	22.0	22.0	37.0
setuju	56	56.0	56.0	93.0
sangat setuju	7	7.0	7.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual 4.3.3.6 di atas, menunjukkan bahawa responden yang menjawab sangat tidak setuju ialah seramai 3 orang bersamaan 3.0% diikuti pula yang menjawab tidak setuju iaitu seramai 12 orang bersamaan 12.0%. Kemudian diikuti pula seramai 22 orang bersamaan 22.0% yang menjawab tidak pasti. Manakala seramai 56 responden bersamaan 56.0% menjawab setuju dan hanya 7 orang responden bersamaan 7.0% yang menjawab sangat setuju. Min yang diperolehi adalah sebanyak 4.33 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.3.7 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik dengan pelajar

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak pasti	5	5.0	5.0	5.0
setuju	50	50.0	50.0	55.0
sangat setuju	45	45.0	45.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual 4.3.3.7 di atas, menunjukkan bahawa responden yang menjawab tidak pasti ialah seramai 5 orang bersamaan 5.0% diikuti pula yang menjawab setuju iaitu seramai 50 orang bersamaan 50.0%. Kemudian seramai 45 orang responden bersamaan 45.0%

menjawab sangat setuju. Manakala tiada responden menjawab sangat tidak setuju dan tidak setuju. Min yang diperolehi adalah sebanyak 4.66 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.3.8 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru menggunakan masa yang diperuntukkan dengan baik

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak setuju	2	2.0	2.0	2.0
tidak pasti	2	2.0	2.0	4.0
setuju	60	60.0	60.0	64.0
sangat setuju	36	36.0	36.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Merujuk jadual 4.3.3.8 di atas, didapati bahawa majoriti responden iaitu seramai 60 orang bersamaan 60.0% telah memberikan jawapan positif iaitu setuju. Kemudian diikuti 36 bersamaan 36.0% responden yang juga telah memberikan jawapan positif iaitu sangat setuju. Manakala selebihnya, 2 responden bersamaan 2.0% telah menjawab tidak setuju dan 2 responden bersamaan 2.0% telah menjawab tidak setuju. Dengan jumlah jawapan yang tinggi pada skala setuju dan sangat setuju memberikan gambaran bahawa guru telah menggunakan masa yang diperuntukkan dengan baik. Statistik ini dikuatkan lagi tinjauan pengkaji ke kelas-kelas pengajian al-Qur'an yang mana didapati guru-gurunya telah menggunakan waktu yang diperuntukkan dengan sebaik mungkin. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.79 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.3.9 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru banyak menyoal pelajar di dalam kelas

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	1	1.0	1.0	1.0
tidak setuju	7	7.0	7.0	8.0
tidak pasti	24	24.0	24.0	32.0
setuju	46	46.0	46.0	78.0
sangat setuju	22	22.0	22.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Merujuk jadual 4.3.3.9 di atas, didapati bahawa seramai 46 responden bersamaan 46.0% telah memberikan jawapan positif iaitu setuju. Kemudian diikuti 22 bersamaan 22.0% responden yang juga telah memberikan jawapan yang juga positif iaitu sangat setuju. Manakala seramai 24 responden bersamaan 24.0% telah memberikan jawapan tidak pasti. Kemudian 7 responden bersamaan 7.0% telah menjawab tidak setuju diikuti seorang responden bersamaan 1.0% telah memberikan jawapan sangat tidak setuju. Dengan hasil dapatan kajian ini telah memberikan jawapan bahawa, guru memainkan peranan dalam menyampaikan ilmu dengan menyoal pelajar untuk melihat tahap kefahaman mereka terhadap ilmu yang diajar. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.42 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.3.10 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru menggunakan alat bantuan mengajar seperti OHP / LCD


	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	28	28.0	28.0	48.0
tidak setuju	34	34.0	34.0	82.0
tidak pasti	8	8.0	8.0	8.0
setuju	12	12.0	12.0	20.0
sangat setuju	18	18.0	18.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.3.3.10 di atas, didapati bahawa seramai 28 responden bersamaan 28.0% telah memberikan jawapan sangat tidak setuju. Kemudian diikuti 34 bersamaan 34.0% responden memberikan jawapan tidak setuju. Manakala seramai 8 responden bersamaan 24.0% telah memberikan jawapan tidak pasti dan 12 responden bersamaan 12.0% telah menjawab setuju diikuti 18 responden bersamaan 18.0% telah memberikan jawapan sangat setuju. Statistik ini telah memberikan gambaran bahawa majoriti guru tidak menggunakan alat bantuan mengajar seperti OHP/LCD. Ini terjadi kerana kelas-kelas tidak dibekalkan dengan peralatan tersebut sebaliknya guru hanya menggunakan peralatan sedia ada seperti *white board*, kitab dan sebagainya. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 3.68 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.3.11 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru memperdengarkan bacaan terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang akan dipelajari

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak pasti	7	7.0	7.0	7.0
setuju	56	56.0	56.0	63.0
sangat setuju	37	37.0	37.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Guru memperdengarkan bacaan terhadap ayat-ayat yang akan dipelajari



Berdasarkan jadual dan carta di atas, didapati bahawa majoriti responden iaitu seramai 56 responden bersamaan 56.0% telah memberikan jawapan positif iaitu setuju, diikuti 37 responden bersamaan 37.0% yang juga memberikan jawapan positif iaitu sangat setuju. Kemudian seramai 7 orang responden bersamaan 7.0% telah memberikan jawapan tidak pasti, manakala tiada responden yang menjawab pada skala sangat tidak setuju dan tidak setuju. Ertinya, responden yang memberikan jawapan positif lebih ramai berbanding responden yang memberikan jawapan negatif di mana guru menggunakan kaedah *Talaqqī Mushāfahah* iaitu dengan memperdengarkan terlebih dahulu kepada pelajar bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an mengikut hukum-hukum tajwid yang betul. Kemudian proses itu berterusan di mana murid-murid pula akan memperdengarkan bacaan mereka secara individu di hadapan guru. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.52 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.3.12 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru sentiasa berbincang hal berkaitan pelajaran

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak pasti	10	10.0	10.0	10.0
setuju	63	63.0	63.0	73.0
sangat setuju	27	27.0	27.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.3.3.12 di atas, didapati bahawa majoriti responden iaitu seramai 63 responden bersamaan 63.0% telah memberikan jawapan positif iaitu setuju, diikuti 27 responden bersamaan 27.0% juga telah memberikan jawapan positif iaitu sangat setuju. Kemudian diikuti seramai 10 orang responden bersamaan 10.0% telah memberikan jawapan tidak pasti, manakala tiada responden menjawab pada skala sangat tidak setuju dan tidak setuju. Ertinya, responden yang memberikan jawapan positif lebih ramai berbanding responden yang memberikan jawapan negatif di mana guru mempunyai komunikasi dua hala yang baik dengan para pelajar kerana sering berbincang hal-hal berkaitan pelajaran. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.79 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.3.13 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru hendaklah mempunyai latar belakang pendidikan yang relevan dengan bidang yang diajar

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	1	1.0	1.0	1.0
tidak setuju	1	1.0	1.0	2.0
tidak pasti	7	7.0	7.0	9.0
setuju	37	37.0	37.0	46.0
sangat setuju	54	54.0	54.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.3.3.13 di atas, didapati bahawa majoriti responden iaitu seramai 54 bersamaan 54.0% responden telah memberikan jawapan positif iaitu sangat setuju, diikuti 37 bersamaan 37.0% responden juga telah memberikan jawapan positif iaitu setuju. Kemudian diikuti seramai 7 orang responden bersamaan 10.0% telah memberikan jawapan tidak pasti. Manakala hanya seorang responden bersamaan 1.0% telah menjawab tidak setuju diikuti seorang responden bersamaan 1.0% telah memberikan jawapan sangat tidak setuju. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa latar belakang pendidikan guru mestilah relevan dengan bidang yang diajar bagi memastikan ilmu itu benar-benar berkualiti dan menepati *standart* pengajaran dan pembelajaran. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.52 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.3.14 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru perlu menggunakan rotan ketika mengajar

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	39	39.0	39.0	39.0
tidak setuju	32	32.0	32.0	71.0
tidak pasti	16	16.0	16.0	87.0
setuju	10	10.0	10.0	97.0
sangat setuju	3	3.0	3.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual 4.3.3.14 di atas, menunjukkan bahawa seramai 39 bersamaan 39.0% responden memberikan jawapan sangat tidak Ssetuju, diikuti 32 bersamaan 32.0% responden telah memberikan jawapan tidak setuju. Manakala seramai 16 bersamaan 16.0% responden memberikan jawapan tidak pasti dan 10 orang bersamaan 10.0% responden memberikan jawapan setuju. Kemudian seramai 3 orang bersamaan 3.0% responden memberikan jawapan sangat setuju. Statistik ini menunjukkan bahawa penggunaan rotan ketika mengajar adalah tidak relevan untuk dipraktikkan kepada para

pelajar di FELDA Bukit Goh ini kerana majoriti para pelajar di sini merupakan warga FELDA yang sudah berusia dan dikategorikan warga emas. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.21 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.3.15 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru perlu mengasingkan pelajar mengikut kategori pelajar lemah dan pandai

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	23	23.0	23.0	23.0
	tidak setuju	25	25.0	25.0	48.0
	tidak pasti	20	20.0	20.0	68.0
	setuju	23	23.0	23.0	91.0
	sangat setuju	9	9.0	9.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Jadual 4.3.3.15 di atas, menunjukkan bahawa seramai 23 bersamaan 23.0% responden memberikan jawapan sangat tidak setuju, diikuti 25 bersamaan 25.0% responden telah memberikan jawapan tidak setuju. Manakala seramai 20 bersamaan 20.0% responden memberikan jawapan tidak pasti dan 23 orang bersamaan 23.0% responden memberikan jawapan setuju. Kemudian seramai 9 orang bersamaan 9.0% responden memberikan jawapan sangat setuju. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden memberikan jawapan yang seimbang bagi setiap skala jawapan kecuali sangat setuju. Ertinya, terdapat sebahagian responden menjawab tidak setuju supaya mengasingkan pelajar mengikut kategori lemah dan pandai manakala sebahagian lagi responden menjawab setuju. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 3.66 dan dapat diinterpretasikan sebagai sederhana.

Jadual 4.3.3.16 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru mengajar al-Qur'an menggunakan pendekatan *Talaqqī Mushāfahah* agar setiap kesalahan dapat diperbetulkan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	1	1.0	1.0	1.0
tidak setuju	1	1.0	1.0	2.0
tidak pasti	10	10.0	10.0	12.0
setuju	47	47.0	47.0	59.0
sangat setuju	41	41.0	41.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.3.3.16 di atas, statistik menunjukkan bahawa seramai 47 bersamaan 47.0% responden memberikan jawapan positif iaitu setuju, diikuti 41 bersamaan 41.0% responden memberikan jawapan sangat setuju. Kemudian seramai 10 bersamaan 10.0% responden memberikan jawapan tidak pasti. Manakala hanya seorang bersamaan 1.0% responden memberikan jawapan tidak setuju diikuti seorang bersamaan 1.0% responden menjawab sangat tidak setuju. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan majoriti responden memberikan jawapan yang positif adalah lebih ramai berbanding responden yang memberikan jawapan yang negatif. Ertinya, kaedah *Talaqqī Mushāfahah* memainkan peranan yang penting dalam mempelajari ilmu al-Qur'an khususnya tilāwah, agar setiap kesalahan sama ada tajwid, makhrāj dan šifāt ḥurūf dapat diperhalusi dan diperbetulkan oleh guru secepat. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.79 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.3.17 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru tidak perlu menghuraikan pengajaran ayat-ayat al-Qur'an selepas bertalaqqī

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	19	19.0	19.0	19.0
tidak setuju	42	42.0	42.0	61.0
tidak pasti	27	27.0	27.0	88.0
setuju	10	10.0	10.0	98.0
sangat setuju	2	2.0	2.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.3.3.17 di atas, statistik menunjukkan bahawa seramai 19 bersamaan 19.0% responden memberikan jawapan sangat tidak setuju, diikuti 42 bersamaan 42.0% responden memberikan jawapan tidak setuju. Kemudian diikuti seramai 27 bersamaan 27.0% responden memberikan jawapan tidak pasti, dan 10 responden bersamaan 10.0% memberikan jawapan setuju. Manakala hanya 2 orang responden bersamaan 2.0% telah menjawab sangat setuju. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden yang memberikan jawapan positif lebih ramai berbanding responden yang memberikan jawapan yang negatif. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.14 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

4.3.4 BAHAGIAN D: PERSEPSI RESPONDEN TERHADAP PELAKSANAAN KELAS PENGAJIAN AL-QUR'AN

Berdasarkan objektif kajian yang ketiga, maka dalam bahagian ini pengkaji mengkaji dan menyelidiki masalah-masalah berkaitan al-Qur'an yang dihadapi oleh masyarakat FELDA Bukit Goh berdasarkan persepsi responden terhadap pelaksanaan kelas pengajian al-Qur'an yang dijalankan di tempat mereka. Pengkaji cuba menyelidiki seandainya terdapat masalah-masalah berkaitan al-Qur'an sama ada dari aspek guru, pelajar, waktu pembelajaran, lokasi dan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Penulis menggunakan lima skala dengan skor satu hingga lima diberikan bermula sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Jadual 4.3.4.1 Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan kaedah *Talaqqī Mushāfahah* yang digunakan amat sesuai dengan masyarakat FELDA

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak pasti	15	15.0	15.0	15.0
	setuju	68	68.0	68.0	83.0
	sangat setuju	17	17.0	17.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Jadual 4.3.4.1 di atas, menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 68 responden bersamaan 68.0% memberikan jawapan positif iaitu setuju. Diikuti pula 17 responden bersamaan 17.0% memberikan jawapan sangat setuju dan seramai 15 responden bersamaan 15.0% telah memberikan jawapan tidak pasti. Manakala tiada responden yang memberikan jawapan sangat tidak setuju dan tidak setuju. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden telah memberikan jawapan positif pada item ini dan tiada responden yang memberikan jawapan negatif. Ini bermakna kaedah *Talaqqī Mushāfahah* yang digunakan oleh guru di kelas-kelas pengajian al-Qur'an di sini diterima baik oleh pelajar serta bersesuaian dengan usia dan tahap penerimaan mereka. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.80 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.4.2 Taburan kekerapan dan peratus persepsi responden berdasarkan masa yang diperuntukkan terhadap kelas al-Qur'an amat sesuai bagi mengelakkan kebosanan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak setuju	2	2.0	2.0	2.0
tidak pasti	16	16.0	16.0	18.0
setuju	54	54.0	54.0	72.0
sangat setuju	28	28.0	28.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual 4.3.4.2 di atas, menunjukkan bahawa seramai 2 responden bersamaan 2.0% telah memberikan jawapan tidak setuju. Manakala seramai 16 responden bersamaan 16.0% telah memberikan jawapan tidak pasti. Kemudian seramai 54 responden bersamaan 54.0% telah memberikan jawapan setuju dan terdapat 28 responden atau 28.0% telah memberikan jawapan sangat setuju. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebilangan besar responden telah memberikan jawapan yang positif pada item berbanding yang negatif. Ini menunjukkan bahawa masa juga memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran al-Qur'an kerana penggunaan masa yang sesuai dan tidak terlalu lama akan mewujudkan suasana harmoni dan tidak membosankan kerana ia bersesuaian dengan usia dan tahap penerimaan mereka. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.65 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi

Jadual 4.3.4.3 Taburan kekerapan dan peratus terhadap persepsi responden berdasarkan penggunaan kitab tajwid bahasa melayu yang relevan agar lebih difahami

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak pasti	12	12.0	12.0	12.0
setuju	49	49.0	49.0	61.0
sangat setuju	39	39.0	39.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.3.4.3 di atas, seramai 12 responden bersamaan 12.0% telah memberikan jawapan tidak pasti. Manakala seramai 49 responden bersamaan 49.0% telah memberikan jawapan setuju dan diikuti seramai 39 responden bersamaan 39.0% telah memberikan jawapan sangat setuju. Hasil dapatan kajian ini didapati bahawa responden masih lagi memberikan persepsi yang positif berbanding persepsi negatif berdasarkan item di atas. Jelas di sini bahawa penggunaan kitab tajwid berbahasa melayu amat sesuai dengan responden yang mempunyai latar belakang dan tahap pemikiran yang berbeza. Penggunaan kitab tajwid berbahasa Melayu juga akan memudahkan mereka memahami ilmu tajwid dan seterusnya dapat mempraktikkan di dalam pembacaan al-Qur'an. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.55 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi

Jadual 4.3.4.4 Taburan kekerapan dan peratus persepsi responden berdasarkan pengajaran bermula dari peringkat asas sehingga peringkat tertinggi bagi memudahkan peserta mengikutinya

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak pasti	4	4.0	4.0	4.0
setuju	44	44.0	44.0	48.0
sangat setuju	52	52.0	52.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual 4.3.4.4 di atas, menunjukkan bahawa seramai 52 responden bersamaan 52.0% telah memberikan jawapan positif iaitu sangat setuju. Kemudian seramai 44 responden bersamaan 44.0% telah memberikan jawapan setuju dan diikuti seramai 4 responden bersamaan 4.0% telah memberikan jawapan tidak pasti. Manakala tiada responden yang menjawab pada skala sangat tidak setuju dan tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa pengajaran al-Qur'an dan tajwid hendaklah bermula dari peringkat asas sehingga peringkat tertinggi bagi memudahkan para responden

memahami ilmu yang dipelajari secara berperingkat-peringkat. Min yang diperoleh bagi item ini adalah sebanyak 4.66 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi

Jadual 4.3.4.5 Taburan kekerapan dan peratus persepsi responden berdasarkan guru sentiasa memberikan dorongan dan galakan kepada pelajar

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak setuju	1	1.0	1.0	1.0
tidak pasti	1	1.0	1.0	2.0
setuju	43	43.0	43.0	45.0
sangat setuju	55	55.0	55.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual 4.3.4.5 di atas, menunjukkan bahawa jumlah responden yang menjawab sangat setuju adalah tinggi iaitu seramai 55 responden bersamaan 55.0%, diikuti seramai 43 responden atau 43.0% yang telah memberikan setuju. Selebihnya, seorang responden atau 1.0% memberikan jawapan tidak pasti dan juga seorang atau 1.0% responden memberikan jawapab tidak setuju. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.72 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru sentiasa memberikan dorongan dan galakan kepada pelajar dalam mempelajari ilmu al-Qur'an.

Jadual 4.3.4.6 Taburan kekerapan dan peratus persepsi responden terhadap jadual kelas al-Qur'an tidak menepati kehendak pelajar


	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	14	14.0	14.0	14.0
tidak setuju	26	26.0	26.0	40.0
tidak pasti	41	41.0	41.0	81.0
setuju	15	15.0	15.0	96.0
sangat setuju	4	4.0	4.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.3.4.6 di atas, didapati bahawa seramai 14 responden bersamaan 14.0% telah memberikan jawapan sangat tidak setuju, kemudian seramai 26 responden bersamaan 26.0% telah memberikan jawapan tidak setuju dan diikuti seramai 41 responden bersamaan 41.0% telah memberikan jawapan tidak pasti. Manakala seramai 15 responden atau 15.0% telah memberikan jawapan setuju diikuti 4 responden atau 4.0% telah memberikan jawapan sangat setuju. Statistik ini telah memberikan gambaran bahawa jadual pembelajaran al-Qur'an perlu mengikut waktu yang sesuai dengan majoriti para pelajar kelas al-Qur'an di sini adalah warga FELDA yang bekerja sebagai pengusaha ladang kelapa sawit. Walaupun jumlah responden yang menjawab tidak pasti adalah tinggi, namun penulis percaya berdasarkan tinjauan yang dibuat terhadap kelas-kelas pengajian al-Qur'an di sini didapati bahawa waktu malam merupakan waktu sesuai untuk kelas pengajian al-Qur'an berdasarkan sambutan yang ramai pada waktu tersebut. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 3.57 dan dapat diinterpretasikan sebagai sederhana.

Jadual 4.3.4.7 Taburan kekerapan dan peratus persepsi responden terhadap ujian lisan dan bertulis dilaksanakan di akhir pengajian al-Qur'an

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	1	1.0	1.0	1.0
tidak setuju	5	5.0	5.0	6.0
tidak pasti	13	13.0	13.0	19.0
setuju	57	57.0	57.0	76.0
sangat setuju	24	24.0	24.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Ujian penulisan lisan dan bertulis dilaksanakan di akhir pengajian al-Qur'an



Berdasarkan jadual 4.3.4.7 dan rajah di atas, menunjukkan jumlah responden yang menjawab setuju adalah paling tinggi peratusan iaitu seramai 57 responden bersamaan 57.0%, diikuti pula seramai 24 responden bersamaan 24.0% telah memberikan jawapan sangat setuju. Manakala seramai 13 responden bersamaan 13.0% telah memberikan jawapan tidak pasti dan seramai seramai 5 responden atau 5.0% telah memberikan jawapan tidak setuju. Kemudian hanya seorang responden atau 1.0% telah memberikan jawapan sangat setuju. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden berpendapat bahawa perlu dilaksanakan ujian lisan dan ujian penulisan di akhir pengajian al-Qur'an bagi mengukur tahap keupayaan seseorang pelajar dalam menguasai ilmu al-Qur'an. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.42 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi.

Jadual 4.3.4.8 Taburan kekerapan dan peratus persepsi responden terhadap mengulangkaji pelajaran lalu amat sesuai dipraktikkan sebelum memulakan kelas

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak pasti	7	7.0	7.0	7.0
setuju	53	53.0	53.0	60.0
sangat setuju	40	40.0	40.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual 4.3.4.8 di atas, menunjukkan bahawa jumlah responden yang menjawab pada tahap setuju adalah paling tinggi peratusan iaitu seramai 53 responden bersamaan 53.0%, diikuti pula seramai 40 responden bersamaan 40.0% telah memberikan jawapan sangat setuju. Kemudian seramai 7 responden bersamaan 7.0% telah memberikan jawapan tidak pasti. Manakala tiada responden yang menjawab pada tahap sangat tidak setuju dan tidak setuju. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.66 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden berpendapat bahawa mengulangkaji pelajaran lalu amat sesuai dipraktikkan sebelum memulakan kelas agar pelajar dapat memahami ilmu al-Qur'an dengan lebih baik lagi.

Jadual 4.3.4.9 Taburan kekerapan dan peratus persepsi responden terhadap sijil tamat pengajian al-Qur'an perlu diberikan kepada peserta setelah tamat kursus

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak pasti	5	5.0	5.0	5.0
setuju	47	47.0	47.0	52.0
sangat setuju	48	48.0	48.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.3.4.9 di atas, didapati bahawa jumlah responden yang menjawab pada tahap sangat setuju adalah paling tinggi peratusannya iaitu seramai 48 responden bersamaan 48.0%, diikuti pula seramai 47 responden bersamaan 47.0% telah memberikan jawapan setuju. Kemudian seramai 5 responden bersamaan 5.0% telah menjawab tidak pasti, manakala tiada responden yang menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.70 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden berpendapat bahawa sijil tamat pengajian al-Qur'an perlu diberikan kepada peserta setelah tamat kursus.

Jadual 4.3.4.10 Taburan kekerapan dan peratus persepsi responden terhadap kemahiran komunikasi oleh guru di kelas pengajian al-Qur'an amat disenangi murid

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak pasti	5	5.0	5.0	5.0
setuju	52	52.0	52.0	57.0
sangat setuju	43	43.0	43.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.3.4.10 di atas, didapati bahawa jumlah responden yang menjawab pada tahap setuju adalah paling tinggi peratusannya iaitu seramai 52 responden bersamaan 52.0%, diikuti pula seramai 43 responden bersamaan 43.0% telah memberikan jawapan sangat setuju. Kemudian seramai 5 responden bersamaan 5.0% telah menjawab tidak pasti, manakala tiada responden yang menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.55 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden telah memberikan jawapan positif berkaitan kemahiran berkomunikasi oleh guru di kelas pengajian al-Qur'an amat disenangi murid. Ertinya, guru perlu mempunyai

skil atau kemahiran komunikasi yang baik dengan murid kerana pada usia mereka yang dianggap veteran maka guru perlu berinteraksi sebaik mungkin dengan mereka agar kelas pengajian al-Qur'an menjadi lebih menarik dan dapat diikuti oleh semua lapisan masyarakat FELDA di sini.

Jadual 4.3.4.11 Taburan kekerapan dan peratus persepsi responden terhadap kemudahan bilik kelas pengajian al-Qur'an dilengkapi alat pembesar suara, penyalaman udara dan peralatan *visual*

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid tidak setuju	2	2.0	2.0	2.0
tidak pasti	19	19.0	19.0	21.0
setuju	53	53.0	53.0	74.0
sangat setuju	26	26.0	26.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual 4.3.4.11 di atas, menunjukkan bahawa jumlah responden yang menjawab pada tahap setuju adalah paling tinggi peratusannya iaitu seramai 53 responden bersamaan 53.0%, diikuti pula seramai 26 responden bersamaan 26.0% telah memberikan jawapan sangat setuju. Kemudian seramai 19 responden bersamaan 19.0% telah menjawab tidak pasti, manakala 2 responden atau 2.0% memberikan jawapan tidak setuju. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.52 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa jumlah responden yang memberikan jawapan positif adalah lebih tinggi berbanding responden yang memberikan jawapan negatif. Hal ini kerana kelas yang selesa dan mempunyai peralatan yang lengkap bagi sesi pembelajaran merupakan satu daya tarikan untuk mereka khususnya warga FELDA datang ke sini untuk mempelajari ilmu al-Qur'an di samping guru-guru yang berkecayaan.

4.4 ANALISIS KORELASI

4.4.1 ANALISIS KORELASI ANTARA KEKERAPAN MEMBACA AL-QUR'AN DENGAN TAHAP KEUPAYAAN DIRI DALAM MENGUASAI AL-QUR'AN

Jadual 4.4.1.1, Analisis hubungan antara kekerapan responden membaca al-Qur'an dengan kelancaran responden membaca al-Qur'an.

Correlations		Kekerapan membaca al-Qur'an	Kelancaran membaca al-Qur'an
Kekerapan membaca al-Qur'an	Pearson Correlation	1	-.404**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	100	100
Kelancaran membaca al-Qur'an	Pearson Correlation	-.404**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	100	100

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Dalam jadual 4.4.1.1 di atas, nilai pekali korelasi 0.000 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kekerapan membaca al-Qur'an dengan kelancaran membaca al-Qur'an. Ertinya, hubungkait di antara kekerapan membaca al-Qur'an di Bahagian A dengan kelancaran membaca al-Qur'an di Bahagian B telah memberikan petunjuk bahawa, responden yang kerap kali membaca al-Qur'an akan meningkatkan kemahiran dan kelancaran mereka dalam pembacaan al-Qur'an.

4.4.2 ANALISIS KORELASI ANTARA PENGETAHUAN ILMU TAJWID DENGAN TAHAP KEUPAYAAN MEMBACA AL-QUR'AN MENGIKUT HUKUM TAJWID

Jadual 4.4.2.1, Analisis hubungan antara pengetahuan responden tentang ilmu tajwid dengan keupayaan responden membaca al-Qur'an mengikut hukum tajwid yang betul.

Correlations			
		Pengetahuan tentang Ilmu Tajwid	Keupayaan membaca al-Qur'an mengikut hukum Tajwid yang betul
Pengetahuan tentang Ilmu Tajwid	Pearson Correlation	1	.372**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	100	100
Keupayaan membaca al-Qur'an mengikut hukum Tajwid yang betul	Pearson Correlation	.372**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	100	100

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Dalam jadual 4.4.2.1 di atas, nilai pekali korelasi 0.000 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan tentang ilmu tajwid dengan keupayaan membaca al-Qur'an mengikut hukum tajwid yang betul di bahagian B. Ertinya, hubungkait di antara kedua-dua item ini telah memberikan petunjuk bahawa, responden yang mempunyai pengetahuan dalam ilmu tajwid akan berupaya membaca al-Qur'an mengikut hukum tajwid yang betul.

4.5 BAHAGIAN E: UJIAN PENILAIAN TAHAP KEBERKESANAN KELAS PENGAJIAN AL-QUR'AN

Berdasarkan objektif kajian pengkaji yang pertama, maka dalam bahagian ini pengkaji mengkaji dan menyelidiki kaedah pelaksanaan pengajian al-Qur'an dalam kalangan masyarakat FELDA. Dalam bab ini, pengkaji mengkaji sama ada kaedah pengajian al-Qur'an yang dilaksanakan di kelas-kelas pengajian al-Qur'an di sini memberi kesan terhadap pelajar terutama dari sudut penerimaan dan mengaplikasikan ilmu tersebut di dalam pembacaan al-Qur'an. Pengkaji telah menyediakan satu set ujian penilaian tahap keupayaan kepada responden yang merupakan para pelajar kelas pengajian al-Qur'an.

Bahagian E adalah soalan berkaitan ujian penilaian tahap keupayaan para pelajar kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang. Satu set ujian penilaian telah diberikan untuk dijawab oleh responden bagi mengukur keberkesanan kelas pengajian al-Qur'an dari sudut pengajaran dan pembelajaran. Ia mengandungi empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D.

Bahagian A dan B merupakan ujian kefahaman al-Qur'an, di mana Bahagian A pelajar perlu membaca potongan ayat-ayat suci al-Qur'an di hadapan guru dan guru akan menilai prestasi bacaan tersebut berpandukan skor A mewakili jawapan sangat lancar, skor B mewakili jawapan lancar, skor C mewakili jawapan sederhana dan skor D mewakili jawapan lemah.

Bahagian B pula, responden perlu menjawab petikan ayat-ayat al-Qur'an berpandukan jawapan aneka pilihan berdasarkan skor A, B, C dan D. Bahagian C dan D pula adalah ujian kefahaman ilmu tajwid, di mana responden perlu menjawab hukum-hukum tajwid berdasarkan potongan ayat-ayat al-Qur'an yang bergaris menggunakan jawapan aneka pilihan berdasarkan skor A, B, C dan D. Manakala Bahagian D pula, responden perlu menjawab soalan-soalan tajwid berpandukan jawapan aneka pilihan

berdasarkan skor A, B, C dan D. Keseluruhan soalan mengandungi 32 soalan untuk dijawab.

4.5.1 BAHAGIAN A (UJIAN KELANCARAN BACAAN AL-QUR'AN)

Dalam bahagian ini, responden perlu membaca potongan ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim di hadapan guru dan guru akan menilai prestasi bacaan tersebut berpandukan skor A memberikan jawapan sangat lancar, skor B memberikan jawapan lancar, skor C memberikan jawapan sederhana dan skor D memberikan jawapan lemah.

Jadual 4.5.1.1 Tahap keupayaan responden membaca surah *al-Fātiḥah*

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	a	61	61.0	61.0	61.0
	b	34	34.0	34.0	95.0
	c	5	5.0	5.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.5.1.1 di atas, didapati seramai 61 responden atau 61.0% telah ditandakan oleh guru pada skala A (sangat lancar). Kemudian seramai 34 responden atau 34.0% ditandakan oleh guru pada skala B (lancar). Manakala seramai 5 orang responden atau 5.0% telah ditandakan oleh guru pada skala C (sederhana). Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.52 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Hasil dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa tahap bacaan responden berdasarkan surah *al-Fātiḥah* adalah berada pada tahap sangat lancar.

Jadual 4.5.1.2 Tahap keupayaan responden membaca petikan ayat dari surah *al-Baqarah*

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid a	11	11.0	11.0	11.0
b	70	70.0	70.0	81.0
c	17	17.0	17.0	98.0
d	2	2.0	2.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.5.1.2 di atas, didapati seramai 11 responden atau 11.0% telah ditandakan oleh guru pada skala A (sangat lancar). Kemudian seramai 70 responden atau 70.0% telah ditandakan oleh guru pada skala B (lancar). Manakala seramai 17 responden atau 17.0% telah ditandakan oleh guru pada skala C (sederhana) diikuti seramai 2 responden atau 2.0% telah ditandakan oleh guru pada skala D (lemah). Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 3.75 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Hasil dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa tahap bacaan responden berdasarkan petikan dari surah *al-Baqarah* adalah berada pada tahap lancar.

Jadual 4.5.1.3 Tahap keupayaan responden membaca petikan ayat dari surah *al-Mulk*

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid a	2	2.0	2.0	2.0
b	21	21.0	21.0	23.0
c	62	62.0	62.0	85.0
d	15	15.0	15.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.5.1.3 di atas, didapati seramai 2 responden atau 2.0% telah ditandakan oleh guru pada skala A (sangat lancar). Kemudian seramai 21 responden

atau 21.0% telah ditandakan oleh guru pada skala B (lancar). Manakala seramai 62 responden atau 62.0% telah ditandakan oleh guru pada skala C (sederhana) diikuti seramai 15 responden atau 15.0% telah ditandakan oleh guru pada skala D (lemah). Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 3.0 dan dapat diinterpretasikan sebagai sederhana. Hasil dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa tahap bacaan responden berdasarkan petikan dari surah *al-Mulk* adalah berada pada tahap sederhana.

Jadual 4.5.1.4 Tahap keupayaan responden membaca surah *al-Kāfirūn*

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	a	35	35.0	35.0	35.0
	b	51	51.0	51.0	86.0
	c	13	13.0	13.0	99.0
	d	1	1.0	1.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.5.1.4 di atas, didapati seramai 35 responden atau 35.0% telah ditandakan oleh guru pada skala A (sangat lancar). Kemudian seramai 51 responden atau 51.0% telah ditandakan oleh guru pada skala B (lancar). Manakala seramai 13 responden atau 13.0% telah ditandakan oleh guru pada skala C (sederhana) diikuti hanya seorang responden atau 1.0% telah ditandakan oleh guru pada skala D (lemah). Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 3.68 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap bacaan responden berdasarkan surah *al-Kāfirūn* adalah berada pada tahap lancar.

4.5.2 BAHAGIAN B (UJIAN HAFAZAN AL-QUR'AN)

Dalam bahagian ini, responden perlu menjawab petikan ayat-ayat al-Qur'an dengan mengisi tempat-tempat kosong berpandukan jawapan aneka pilihan iaitu A, B, C dan D.

Jadual 4.5.2.1 Tahap jawapan responden menyambung potongan ayat dari surah *al-Takāthur*

5. ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ لَتَرُونَ الْجِحِمَ

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	a	7	7.0	7.0	7.0
	b	8	8.0	8.0	15.0
	c	82	82.0	82.0	97.0
	d	3	3.0	3.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.5.2.1 di atas, didapati seramai 7 responden atau 7.0% telah memberikan jawapan A. Kemudian seramai 8 responden atau 8.0% telah memberikan jawapan B. Manakala seramai 82 responden atau 82.0% telah memberikan jawapan C, diikuti hanya 3 responden atau 3.0% telah memberikan jawapan D. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.79 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Hasil dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan jawapan yang tepat iaitu C.

Jadual 4.5.2.2 Tahap jawapan responden menyambung potongan ayat dari surah *al-Qāri‘ah*

6. وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ الْمَنْفُوشِ.....

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid b	13	13.0	13.0	13.0
c	86	86.0	86.0	99.0
d	1	1.0	1.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.5.2.2 di atas, didapati seramai 13 responden atau 13.0% telah memberikan jawapan B. Kemudian seramai 86 responden atau 86.0% telah memberikan jawapan C. Manakala hanya seorang responden atau 1.0% telah memberikan jawapan D. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.66 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Hasil dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa majoriti responden telah memberikan jawapan yang tepat iaitu C.

Jadual 4.5.2.3 Tahap jawapan responden menyambung potongan ayat dari surah *al-‘Ādiyāt*

7. وَالْعَدِيدِ ضُبْحًا.....

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid a	6	6.0	6.0	6.0
b	9	9.0	9.0	15.0
c	3	3.0	3.0	18.0
d	82	82.0	82.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual 4.5.2.3 di atas, didapati seramai 6 responden atau 6.0% telah memilih jawapan A dan diikuti seramai 9 responden atau 9.0% telah memilih jawapan

B. Kemudian terdapat 3 responden atau 3.0% telah memilih jawapan C, manakala seramai 82 responden telah memilih jawapan D. Min yang diperolehi bagi item ini adalah sebanyak 4.50 dan dapat diinterpretasikan sebagai tinggi. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden telah memberikan jawapan yang tepat iaitu D.

